

30/07/1997

Menangani penyangak kewangan

Kadir Dikoh

MENURUT penganalisis mata wang, kehadiran George Soros di pasaran mudah dikesan iaitu apabila urusan jual-beli mata wang beredar dengan begitu banyak dalam keadaan agak luar biasa dan mana-mana bank pusat akan tahu 'siapa orangnya' walaupun menerusi ejen spekulator terbabit sekalipun.

"Tiada apa yang boleh dilakukan apabila Soros bertindak agresif di pertukaran mata wang dan rizab jutawan itu mungkin melebihi wang rizab sesetengah bank pusat di negara Asean. Dalam seminggu dua, bolehlah bank pusat bertahan tetapi selepas itu, akan terpaksa lepas tangan untuk membiarkan mata wang diniaga dalam jajaran lebih besar yang akhirnya memaksa ia diapung. Jika tidak, bank pusat akan kekeringan atau kekurangan rizab," kata seorang pakar ekonomi tempatan.

Namun, bagi rakyat biasa, nama Soros agak asing. Jutawan berusia 66 tahun itu sebenarnya mempunyai 'talam dua muka' yang boleh menghuruharakan sesebuah negara atau kerajaan. Kononnya Soros mahu mewujudkan sebuah masyarakat terbuka dan amalan demokrasi. Tetapi dalam waktu yang sama dia boleh memudaratkan kewangan sesebuah negara terutama negara kecil, satu senjata yang amat berbahaya jika dia mahu menjahanamkan ekonomi, menjatuhkan kerajaan atau 'mengajar' sesebuah kerajaan.

Soros, ketua penasihat dana Kumpulan Quantum yang berpangkalan di Amerika Syarikat, sangat terkenal dan berpengaruh dalam pasaran pertukaran asing. Dia juga dikaitkan dengan kejatuhan besar mata wang paun Britain hingga menyebabkan kemusnahan mekanisme kadar tukaran asing (ERM) pada 1992. Sejak itu, peniaga menggelarnya sebagai 'Kesan Soros: Apabila dia menyiku ke dalam dunia kewangan, ada sesuatu yang akan pecah'.

Dia dilahirkan pada 1930 di Budapest dan ibu bapa yang berketurunan Yahudi terpaksa berlindung daripada kekejaman Nazi pada 1944. Meninggalkan rejim komunis di situ, Soros menuntut di London School of Economic dan lulus sebelum berhijrah ke Amerika Syarikat pada 1956. Wall Street adalah tempatnya berjinak dengan saham dengan menubuhkan pelbagai syarikat pelaburan dan antara yang dikenali ialah Quantum Fund yang banyak 'membuat wang daripada wang'.

Soros bercita-cita menjadi seorang ahli falsafah tetapi gagal dan menggelarkan dirinya sebagai ahli falsafah amatir, dan menjalani hidup secara sederhana walaupun menjadi jutawan. Dia dikatakan mengagih sekitar separuh daripada pendapatannya sebanyak AS\$250 juta (RM625 juta) kepada pelbagai projek bantuan yang diwujudkan di 24 negara bekas komunis, kebanyakan menerusi Open Society miliknya yang prodemokrasi.

Bukanlah satu kesalahan jika Soros mahu mengaut berbilion ringgit melalui kegiatan jual-beli mata wang dalam pasaran terbuka di merata dunia. Itu adalah haknya. Yang dipersoalkan ialah apabila niatnya turut dilapisi agenda tersembunyi yang lahir daripada perasaan ingin membalas dendam.

Malah, Soros secara terbuka menentang kemasukan Myanmar ke dalam Asean dan pernah mendesak Malaysia dan Thailand - dua negara Asean yang menjadi tumpuan serangan spekulatif mata wang kebelakangan ini - supaya menyekat keinginan Yangon menyertai gabungan Asean. Januari lalu, Soros mendesak pelancong antarabangsa supaya memulau Myanmar dan meminta pelaburan di Yangon dihentikan oleh syarikat minyak dari luar.

Sekarang Myanmar sudah rasmi diterima ke dalam Asean dan tidak mustahil Soros menggunakan kekayaannya untuk cuba campur tangan dalam apa yang disifatkan penganalisis sebagai tindakan untuk 'mengajar' sesetengah negara

Asean' meskipun andaian itu dinafikan oleh Soros Fund Management (SFM) di New York.

Oleh itu, tidak hairanlah Sabtu lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan Soros sebagai orang yang bertanggungjawab menyebabkan mata wang di Asia Tenggara huru-hara kebelakangan ini, sambil menyifatkannya sebagai penjenayah.

Dr Mahathir tidak faham mengapa dunia tidak menganggap orang seperti Soros sebagai penjenayah. Berikutan kenyataan itu, Menteri Luar Asean dalam mesyuaratnya di Kuala Lumpur mengambil keputusan menyerahkan kepada menteri kewangan menyelesaikan isu itu.

Semalam, Dr Mahathir yang ditanya pemberita mengenai tindakan yang bakal dikenakan terhadap Soros selepas dikunjungi rakan dialog Asean di Jabatan Perdana Menteri di ibu negara, berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap spekulator mata wang yang disifatkannya sebagai 'penyangak'. Bagaimanapun, beliau tidak memberi butiran terperinci berhubung tindakan yang akan diambil.

"Kerajaan mempunyai beberapa idea mengenai apa yang patut dilaksanakan tetapi ternyata kita tidak boleh menyiarkan apa yang akan dilakukan samalah seperti Soros yang tidak menyiarkan apa yang beliau mahu laksanakan. Kerajaan terpaksa melindungi negara ini, jika tidak mereka ini (Soros) akan mempermain-mainkan ekonomi sesebuah negara tanpa dihukum dengan sewajarnya. Apa yang kita boleh buat bergantung kepada tanggapan kita. Jika kita menganggap ini sebagai perbuatan jenayah, maka kita akan bertindak. Jika ia difikirkan sesuatu yang biasa, maka tiada tindakan akan diambil.

"Saya memberi pendapat saya mengenai perkara ini (dalam pertemuan itu) dan mereka (rakan dialog) beri reaksi. Sesetengahnya mencadangkan supaya perkara itu dibangkitkan di Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver November ini manakala ada pula berkata itu adalah perkara biasa manakala yang lain juga mempunyai banyak pendapat mengenai bagaimana hendak menangani masalah ini," katanya.

Kejatuhan nilai ringgit sehingga mencecah ke paras 2.64 berbanding dolar Amerika baru-baru ini bagaimanapun bukan satu fenomena baru dalam sejarah kewangan negara kerana ia pernah turun sehingga ke paras yang lebih menggerunkan apabila berada pada tahap 2.71 pada 1988, 1991 (2.72) dan 1993 (2.70).

Oleh itu, ia bukan sesuatu yang mencemaskan walaupun pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) turut terjejas. Namun, Indeks Komposit di BSKL belum lagi mencecah di bawah paras 1,000 mata sejauh yang dikaitkan dengan serangan spekulatif terhadap ringgit kebelakangan ini.

Apa yang menghairankan ialah punca kejatuhan nilai ringgit dan sentimennya kemudian merebak ke BSKL yang secara tiba-tiba menjunam dalam masa sebulan lalu. Peserta pasaran dan mereka yang terbabit dalam pertukaran asing tiba-tiba bagaikan cemas. Kalangan penganalisis dan ahli ekonomi bagaikan kurang percaya keadaan pasaran begitu lembap boleh berlaku sedangkan ekonomi negara mantap dan dasar kewangan tidak berubah.

Mereka menolak sama sekali anggapan masalah ekonomi di Thailand akan merebak ke Malaysia kerana perbezaan di antara senario di negara jiran itu berbanding negara kita, amat ketara. Hanya sentimen saja yang wujud menyebabkan pengurus dana asing mula menarik diri daripada pasaran Malaysia, kemudian peserta tempatan terikut-ikut dengan rentak yang sama. Serangan spekulatif mula melanda Thailand Jun lalu yang memaksa baht diapungkan pada 2 Julai lalu.

Selepas Thailand, Filipina pula berdepan dengan spekulator itu sehingga akhirnya bank pusat negara berkenaan tidak dapat bertahan dan membiarkan Peso diniaga pada jajaran lebih besar. Ia kemudian berjangkit ke Indonesia dan di negara kita manakala Singapura juga tidak terkecuali. Serangan

spekulatif terhadap mata wang di negara Asean itu bagaikan dilakukan secara kolektif dan sejak itu nama Soros mula menjadi tumpuan di pasaran meskipun tidak didedahkan secara terbuka.

Apabila Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan di Okayama City ketika lawatannya ke Jepun 21 Julai lalu bahawa nilai kejatuhan mata wang di negara Asia Tenggara berpunca daripada tekanan oleh tokoh kewangan antarabangsa yang mempunyai agenda politik, pemain pasaran menjurus kepada Soros meskipun ketika itu Perdana Menteri masih belum mahu menyebut nama Soros.

Kelemahan ringgit akan turut memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada rakyat. Ini menyebabkan kadar faedah bank turut naik, bil import negara meningkat dan kesannya terhadap inflasi serta keyakinan pelabur boleh terhakis. Sebaliknya barangan eksport dari Malaysia pula menjadi lebih bersaing di pasaran dunia. Jika dulu, setiap dolar Amerika boleh ditukar kepada RM2.50, kini ia sudah naik sekitar 5/10 sen apabila mencecah sehingga RM2.65.

(END)